

ANALISIS KEPIMPINAN DALAM MEREDAH KABUT

JUMALI HJ. SELAMAT
CHE ABDULLAH CHE YA

ABSTRAK

Artikel ini menganalisis aspek kepemimpinan dalam kehidupan remaja berdasarkan teks *Meredah Kabut* karya Zaharudin Pilus dari perspektif pendekatan moral. Pendekatan moral melihat kejadian alam bukan sesuatu kewujudan yang berbentuk alat atau benda tetapi bersifat sebagai pengalaman hidup. Hasil kajian mendapati teks ini menyentuh aspek kepemimpinan seperti pemimpin keluarga, remaja, agama, belia dan kampung. Semua peristiwa yang dilalui oleh manusia menyerlahkan pelbagai ragam dan perlakuan serta hubungan manusia yang melihat aspek-aspek positif dan negatif untuk dijadikan cerminan perbandingan serta contoh teladan. Elemen ini memberi pengalaman dan pengetahuan dalam kehidupan remaja.

Kata kunci : kepemimpinan, remaja, pendekatan moral, novel, kehidupan.

ABSTRACT

*The aim of this article is to analyse leadership aspect in adolescent life based on text *Meredah Kabut* by Zaharudin Pilus from the moral approach perspective. The moral approach view of nature is not something shaped tool or object but is a life experience. The results of this study found the text touches leadership aspects such as family leaders, adolescent, religious, youth and villagers. All events are traversed by humans manifold and treatment as well as human relationships are seeing the positive aspects and negative to be a reflection of the comparison as well as role models. This element provides experience and knowledge in the adolescent life.*

Key words : leaderships, adolescent, moral approach, novel, life.

PENGENALAN

Membicarakan tentang kepimpinan tentu sahaja akan melibatkan semua kegiatan atau aktiviti yang berkaitan dengan manusia dan kehidupannya. Ini termasuk hubungan manusia sesama manusia, hubungannya dengan alam, lingkungan dan persekitarannya yang berkait dengan soal pembangunan masyarakat. Azizan (1995:15) menegaskan pembangunan masyarakat adalah suatu proses meningkatkan taraf dan kualiti keseluruhan kehidupan manusia serta berusaha membebaskannya daripada pelbagai tekanan dan ancaman. Pembangunan masyarakat tidak diukur berdasarkan pencapaian ekonomi, industri dan teknologi semata-mata, tetapi meliputi peningkatan kualiti dan nilai kehidupan sosial, budaya, pendidikan, alam sekitar, politik, kepimpinan, serta aspek spiritual dan moral. Berdasarkan hakikat ini, penulis akan menganalisis gambaran masyarakat dengan membicarakan aspek kepimpinan.

Kepimpinan merupakan satu elemen penting apabila membincangkan struktur sosial dalam masyarakat. Elemen kepimpinan lazimnya akan melibatkan soal kehidupan masyarakat kerana setiap karya akan mendasari keperihalan kemanusiaan dan sosialnya. Sebenarnya struktur sosial itu menyentuh soal pengurusan dan susunatur kerana setiap anggota masyarakatnya terlibat secara langsung dalam kegiatan dan amalan kehidupan seharian. Menurut Shahnnon (1994:17), pernyataan kemanusiaan dalam karya merupakan sejarah manusia dengan segala peristiwa serta keperihalannya.

Kepimpinan dalam Islam hendaklah merujuk kepada *al-Quran* dan mencontohi sifat kepimpinan Nabi Muhamad SAW kerana pada dirinya terdapat segala contoh teladan yang baik dalam semua hal kehidupan. Dalam *al-Quran* melalui surah al-Baqarah:26, pemimpin digelar khalifah yang bermaksud pengganti Nabi Muhammad SAW dan penerus atau pewaris pentadbir, penguasa serta pengatur yang bertanggungjawab dalam kehidupan manusia di bumi berdasarkan wahyu dan syariah. Dalam surah an-Nisa:59, pemimpin digelar Amir al-Mukminin yang bererti orang yang memerintah dan memberi arahan, tugas serta bertanggungjawab kepada rakyatnya. Kesemua ini bermatlamat supaya kehidupan manusia lebih teratur dan mempunyai hala tuju yang murni untuk mencapai keredhaan Allah (Robiah 1993:10).

Bagi S. Husin (1977:9) pemimpin ialah orang yang memimpin orang lain atau kumpulannya melalui ideologi dan pengaruhnya untuk mencapai matlamat dan arah tuju masyarakatnya. Pemimpin turut berhak dan berkewajipan membantu, membimbing dan memimpin sesuai dengan kedudukannya dalam kelompok yang dianggotainya. Kepimpinan pula merupakan satu proses bagaimana individu atau pemimpin mendapat kerjasama dan bantuan daripada pengikutnya untuk mencapai sesuatu matlamat (Campbell, Corball & Nystrand 1983:125). Dalam *The Oxford English Dictionary* (1989:750) menjelaskan;

...the position of a group people leading or influencing others within a given context; the group itself; the action or influence necessary for the direction or organization of effort in a group undertaking.

Analisis ini bertujuan melihat aspek kepimpinan yang dicetuskan pengarang menerusi gagasan pemikiran dan kreativitinya sebagai cerminan sosial yang ada kaitannya dengan kelompok masyarakat di luarnya. Hubungan ini dapat memperkukuhkan unsur realiti dalam karya yang berkait rapat dengan kehidupan manusia. Melalui analisis ini akan dibincangkan aspek kepimpinan yang mencerminkan cara, sikap hidup dan kepercayaan yang menjadi amalan dalam kehidupan.

PENDEKATAN KAJIAN

Teori Pengkaedahan Melayu telah dicetuskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Teori ini mendasari semua aspek kehidupan yang merangkumi cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karya sasteranya sendiri (Hashim 1989:62). Untuk menerapkan teori dalam kajian kesusasteraan Melayu, teori ini dibahagikan kepada dua iaitu pengkaedahan Alamiah dan pengkaedahan Keagamaan.

Pengkaedahan Alamiah mendasari cara dan sikap hidup masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada dirinya yang dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan,

moral dan firasat. Pengkaedahan Keagamaan pula dianalisis berasaskan kepada nilai keimanan dan ketakwaan yang bersendikan akidah agama Islam dan dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, kemasyarakatan dan seni.

Analisis ini menggunakan pendekatan moral iaitu salah satu pendekatan menerusi pengkaedahan Alamiah dalam teori Pengkaedahan Melayu. Pendekatan moral melihat kejadian alam bukan berupa suatu kewujudan yang berbentuk alat atau benda tetapi bersifat sebagai pengalaman hidup. Sesuai dengan sifatnya, maka dalam konteks ini sastera dapat memberi manfaat dan berperanan menyingkap segala persoalan hidup yang memberi pengalaman kepada manusia. Pengalaman ini biasanya terdiri daripada dua hal yang merangkumi; *Pertama*, tentang peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh manusia tertentu dan menyerlahkan pelbagai ragam dan perlakuan serta perhubungan manusia yang melihat aspek-aspek positif dan negatif untuk dijadikan cerminan perbandingan serta contoh teladan yang baik. *Kedua*, sastera mampu menyediakan maklumat dan pengetahuan yang berkaitan dengan manusia serta suasana persekitarannya. Melalui pendekatan ini, sastera dikatakan mampu memberi sebanyak mungkin pengajaran dan pengetahuan dalam kehidupan (Hashim 1994:332).

Karya merupakan luahan pemikiran pengarang yang menggambarkan tentang rencam kehidupan manusia dan persekitarannya. Ia diadun bersama pengalaman dan dicetus melalui daya kreativiti dan imajinasinya. Setiap aspek yang terungkap mempunyai kepentingan dan mesejnya sendiri sebagaimana yang diinginkan oleh pengarang yang sensitif terhadap pergolakan dalam masyarakat dan alam sekelilingnya. Penelitian ini menggunakan kaedah analisis teks untuk melihat persoalan yang berkaitan dengan kepimpinan.

ANALISIS

Novel *Meredah Kabut* karya Zaharudin Pilus (1993) mengisahkan seorang remaja bernama Long Chik yang berusia awal 20-an dianggap sebagai agen pembangunan masyarakat desa memiliki sifat dedikasi, cekal dan gigih. Long Chik berusaha memajukan Kampung Seri Danau menerusi persatuan belia yang dianggotainya. Sebagai anak

lelaki sulung dia adalah tunggak keluarga setelah ayahnya meninggal. Maruah keluarga menjadi tanggungjawab dan ujian demi ujian dihadapinya daripada pihak tertentu yang cuba menggagalkan projek belia dan penentangan golongan tua. Rintangan yang paling mencabar kewibawaannya ialah keterlibatan sebuah keluarga yang cuba mencemar maruah keluarganya. Long Chik digambarkan sebagai remaja yang ideal, mempunyai kesungguhan, keazamannya yang tinggi dan menjadi ikutan remaja di kampungnya.

Setiap individu mempunyai gaya dan stail kepimpinannya yang tersendiri. Jika setiap pemimpin mengamalkan ciri-ciri kepimpinan yang murni dengan teratur dan mengikut lunas-lunas yang ditetapkan akan membantu meningkatkan sosial masyarakat secara menyeluruh. Biasanya pemimpin yang jujur, amanah, adil dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang baik akan diterima oleh masyarakatnya, tetapi jika bersikap sebaliknya berkemungkinan akan ditolak oleh kumpulan atau kelompoknya. Oleh itu, kepimpinan ialah kebolehan memujuk dan mengajak orang lain secara bijaksana dan berhemah, menyatupadukan ahli dalam kumpulan, memotivasi, merangsang serta menggerakkan masyarakat untuk mencapai matlamat organisasi, masyarakat dan negara. Analisis ini akan membicarakan persoalan yang menyentuh kepimpinan keluarga, remaja, agama, belia dan kepimpinan kampung.

KEPIMPINAN KELUARGA

Kepimpinan bermula dari peringkat paling bawah yang menyentuh kepimpinan keluarga. Kepimpinan keluarga merupakan satu bentuk kepimpinan tradisi dalam sesebuah masyarakat. Menurut A. Wahab (1989:41) pemimpin keluarga ialah satu bentuk kepimpinan yang bermula dalam masyarakat tradisional. Sungguhpun pemimpin keluarga itu satu bentuk pimpinan dalam masyarakat tradisi tetapi tidak bererti cara dan gaya pimpinannya mengikut tradisi. Sebenarnya gaya dan corak pimpinannya bergantung kepada sikap dan latar belakang pemimpin itu sendiri.

Dalam realiti kehidupan untuk menjadi pemimpin keluarga memang mudah diungkapkan tetapi untuk menjadi ibu bapa yang faham dan mempunyai iltizam dalam pembinaan insan meliputi hal-hal yang

berkaitan dengan emosi, akhlak serta moral anak-anak adalah sukar (Faridah 1995:51). Oleh itu, dalam kehidupan terdapat pemimpin yang bertanggungjawab terhadap anak dan keluarga dengan menitikberatkan soal keharmonian sebagai asas pembentukan keluarga bahagia.

Kepimpinan keluarga bertanggungjawab menggambarkan tentang pemimpin yang mengambil berat untuk memberi pendidikan dan memupuk kasih sayang demi kebahagiaan anak-anak dan keluarga. Faridah dan Zuraidah (1995:2) menjelaskan pemimpin keluarga yang bertanggungjawab ialah pemimpin yang menjalankan peranannya terhadap keluarga dan menentukan ahli keluarganya mendapat perlindungan serta jagaan baik dan sempurna. Kepimpinan keluarga yang bertanggungjawab dalam novel ini menyentuh tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak dan kepentingan pendidikan.

Setelah suaminya meninggal dunia Semah mengambil tanggungjawab sebagai ketua keluarga yang dibantu oleh Long Chik anak sulungnya. Dia mengambil berat tentang pelajaran dan mengharapkan Yang Chik anak bongsunya dapat meneruskan pelajaran kerana abang-abangnya terpaksa berhenti separuh jalan. Kesungguhan Semah dapat dilihat seperti kenyataan berikut;

Semah inginkan Yang Chik berjaya dalam pelajaran kerana dialah satu-satunya yang tinggal untuk meneruskan pengajian sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Semah mahukan anaknya itu mendapat kejayaan. Dia mahu Yang Chik berjaya sampai ke universiti (hlm. 89).

Pengorbanan dan kesungguhan Semah sesuai dengan firman Allah dalam surah at-Tagha`bun ayat:14 hingga 15 yang bermaksud; “sesungguhnya harta benda, isteri dan anak-anak merupakan ujian kepada manusia dan di sisi Allah juga pahala yang besar” (Hasbi Ashshiddiqi et. al. 1992:942). Seperti yang ditegaskan menerusi pendekatan moral tugas dan fungsi ketua keluarga amat penting bagi membina sebuah keluarga bahagia yang harmonis di samping menjamin kesejahteraan hidup sentiasa dipelihara.

Paparan ini menggambarkan tanggungjawab pemimpin keluarga dalam mendidik dan membesarkan anak-anak. Seperti ditegaskan dalam *al-Quran* melalui surah Luqman ayat:13-19 untuk mendidik anak-anak perlu ditanam jiwa tauhid, menghargai dan menghormati orang tua, memelihara dan memperlakukan orang tua dengan baik, bersifat jujur, mendirikan sembahyang (beribadah), mengajar perbuatan baik

dan mencegah kemungkar, bersabar, melarang keangkuhan dan sombong, serta bersikap sederhana dalam tingkah laku dan berbicara (Hasbi Ashshiddiqi et.al. 1992:654-655). Sebagai pemimpin keluarga yang bertanggungjawab sewajarnya dapat menggembleng tenaga dan usaha untuk melahirkan generasi remaja yang berilmu pengetahuan, berperibadi tinggi dan berakhlak mulia.

Sementara itu, kepimpinan keluarga yang tidak bertanggungjawab turut diungkapkan sebagai sindiran dan renungan kepada masyarakat. Pemimpin sedemikian digolongkan sebagai pemimpin yang mementingkan diri, tidak memperdulikan anak isteri dan tidak tahu mengurus keluarga atau dirinya sendiri. Dalam kehidupan ini tidak dinafikan terdapat ibu bapa yang kurang memahami kehendak anak-anak, tidak jujur serta tidak amanah dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan bertindak mengikut perasaan dan nafsu sendiri. Mereka tidak berlaku adil, mungkir janji, sombong dan bangga diri yang akhirnya mengakibatkan suasana tidak harmoni, kekeliruan dan kekeruhan dalam institusi keluarga (Ibrahim 1997:111).

Pemimpin keluarga yang mementingkan diri sendiri dan berperilaku tidak sopan seperti pamarah, bertindak ganas dan pemalas dipaparkan melalui watak Pak Jusoh. Perangai buruknya menyebabkan isterinya meninggal akibat teruk bekerja kerana terpaksa memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Sikap pamarah dan panas barannya terpapar apabila dia sanggup bertindak kasar terhadap anak perempuannya.

“Kau pekak ke? Aku kata siapkan nasi,” tempik Pak Jusoh.

“Beras dah habis, ayah,” kata Wati perlahan. Secepat kilat satu penampar keras hinggap ke pipi Wati. Anak gadis itu jatuh tertiarap (hlm. 113).

Sifat tidak bertanggungjawab dan pemalasnya terlihat sewaktu dia memaksa Wati, Misah dan Minah mengerjakan sawah serta tergamak memakan hasil usaha anak-anak perempuannya. Setiap kali musim menuai separuh padi dijual ke kedai apek kampung seberang yang duitnya masuk ke kantung Pak Jusoh. Itulah duit yang dibelanjakan untuk dirinya hasil menenggek titik peluh anak-anak perempuannya (hlm. 115). Kepimpinannya menyerlahkan kegagalan ibu bapa membina

kesejahteraan keluarga adalah disebabkan kekurangan pengetahuan tentang keibubapaan (Faridah 1995:51).

Melalui analisis ini membuktikan peranan dan tanggungjawab pemimpin keluarga amat besar dalam membina semangat kekeluargaan dan kemesraan yang mampu menzahirkan kesejahteraan keluarga. Sebagai insan yang bertanggungjawab dan menyedari kesilapan merupakan langkah terbaik bagi mengembalikan keharmonian keluarga. Paparan ini seiring dengan pendekatan moral yang menyingkap segala persoalan hidup untuk menambah pengalaman melalui pelbagai ragam dan perlakuan manusia dalam membimbing serta mendidik anak-anak (Hashim 1989:62).

KEPIMPINAN REMAJA

Remaja merupakan golongan pelapis yang akan mewarisi kepimpinan masa depan. Golongan ini perlu dipimpin, diasuh, di bimbing dan diberi peranan sebagai persediaan untuk memikul tanggungjawab yang lebih besar dan mencabar pada masa hadapan. Menyedari hakikat ini, pengarang melalui daya kreatif imaginatifnya telah mengetengahkan watak-watak remaja yang bertanggungjawab untuk menghadapi cabaran kehidupan yang semakin kompleks.

Kepimpinan remaja menyentuh kegiatan dan aktiviti remaja yang melibatkan rakan sebaya. Rakan sebaya mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembentukan personaliti seseorang. Ini disebabkan hubungan sosial yang sihat bersama rakan sebaya boleh menghasilkan berbagai kemahiran seperti kemahiran sosial, mampu menyesuaikan diri, sikap berkerjasama dan hormat menghormati (Asmah Bee dan Iran, 1995:40). Rakan sebaya berupaya memberi rangsangan bagi meningkatkan sahsiah kumpulannya supaya menjadi manusia yang berjaya dan mempunyai harga diri. Memiliki teman yang baik, berakhlak mulia, berbudi pekerti dan bersopan santun adalah penting dalam pembinaan keperibadian remaja yang unggul.

Untuk menjamin pertumbuhan yang menyeluruh remaja memerlukan kepimpinan yang sempurna dan seimbang dalam semua aspek (Ibrahim 1997:63). Sehubungan itu, kepimpinan remaja amat berpengaruh dalam membina perkembangan personaliti, sahsiah dan keperibadiannya yang boleh mendorong mereka melakukan sesuatu

secara bersama. Kepimpinan Long Chik memperlihatkan semangat waja hasil daripada didikan dan kata-kata ayahnya yang membantunya berfikir secara matang bagi menyelesaikan masalah ke arah kebaikan sebelum meninggal dunia. Semangat ini sejajar dengan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Muslim bermaksud, “sesiapa yang mengajak ke jalan kebaikan maka baginya pahala seperti orang yang mengerjakannya tanpa mengurangi sedikitpun pahala mereka” (Salim 1977:187). Sebagai pemimpin yang bertanggungjawab Long Chik meluahkan kata-kata seperti berikut;

Sebagai anak yang tua dalam keluarga, Long Chik merasakan dia bertanggungjawab terhadap kesempurnaan keluarganya dalam melalui liku-liku hidup yang penuh pancaroba ini (hlm.20).

Sementara itu, kepimpinan dan keberanian Long Chik mempertahankan maruah keluarganya amat menyerlah. Dia sanggup melakukan apa sahaja untuk menghadapi rintangan dan halangan demi keluarganya. Dia juga sanggup menghadapi cabaran bukan sahaja daripada keluarga Pak Jusoh dan anak-anaknya malahan sanggup dengan berhadapan dengan sesiapa sahaja. Dalam satu peristiwa Long Chik dengan berani dan nekad membelasah Pak Jusoh yang cuba memperkosa adiknya Yang Chik sewaktu balik dari sekolah. Keberaniannya terserlah seperti katanya;

“Mak! bawa Yang Chik keluar. ”Di muka pintu kelihatan Semah memapah Yang Chik yang masih lemah.

“Tengok!” bentak Long Chik sambil memandang sekalian yang hadir.

Semua yang ada di halaman memandang ke arah muka pintu.

“Patut ke saya berdiam diri kalau adik saya nak dirosakkan. Apa ertinya jadi abang kalau membiarkan adik sendiri jadi mangsa nafsu buas orang. Patut ke usia semuda ini dibiarkan ditampar sampai pengsan”. Keras sekali suara Long Chik (hlm.177).

Apa yang dilakukan oleh Long Chik menggambarkan segala peristiwa yang dialami sesuai dengan pendekatan moral yang menyerlahkan pelbagai perlakuan positif dan negatif yang menjadi cermin perbandingan dan contoh teladan kepada remaja. Kepimpinan remaja yang menggunakan kekuatan pemikiran serta kebijaksanaan dilihat mampu untuk menangani pelbagai masalah dan fenomena dalam menghadapi masa depan yang lebih mencabar.

KEPIMPINAN AGAMA

Kepimpinan agama sering dikaitkan dengan persoalan Islam yang diterapkan oleh pengarang. Wataknya merupakan watak sampingan tetapi mempunyai kelebihan atau keistimewaan yang dimiliki. Keistimewaannya bukan sahaja dari segi kepimpinan malahan yang lebih menarik ialah melalui ciri-ciri individu yang dapat mempengaruhi masyarakat sekelilingnya. Antara ciri-ciri kepimpinan yang menarik ialah sikap istiqamah dan teguh pendirian mempertahankan apa yang diyakini, lemah lembut dan beradab sopan serta bijaksana dalam membuat keputusan (Ibrahim 1997:111).

Bagaimanapun ciri kepimpinan seperti gigih, sanggup berkorban, bijaksana, tegas, jujur, amanah dan sabar menjadi asas utama dalam kepimpinan. Ciri-ciri ini mampu menjadi benteng untuk menahan diri daripada pelbagai gejala dan fenomena yang sering melanda remaja (Asmah Bee dan Iran 1995:209). Kehidupan seorang pemimpin menurut Wan Mohd. (1985:14) menuntut pengorbanan dengan melakukan sesuatu yang lebih sukar daripada kehidupan orang biasa. Memang tidak dinafikan watak-watak yang dipaparkan pengarang mempunyai ciri-ciri dan kriteria kepimpinan yang berbeza.

Berikut dipaparkan dua watak Haji Raffar yang cukup berbeza iaitu bersifat menentang dan membantu. Haji Raffar merupakan imam kampung yang turut sama menentang penubuhan semula persatuan belia Kampung Seri Danau. Dia berpendapat penubuhan itu lebih banyak membawa keburukan daripada kebaikan. Seperti katanya;

“Hah! Dah petang baru pulang? Patutnya anak bujang menolong emak di sawah. Ini tidak, rayau sekeliling kampung

ajak kawan-kawan nak hidupkan balik persatuan belia. Tak ada faedahnya persatuan itu, buang masa aje, buat maksiat memalukan kampung,” terjah Haji Raffar (hlm.36)

Satu lagi watak yang digambar oleh Haji Raffar ialah bersifat membantu. Keupayaan kepimpinan Haji Raffar terserlah apabila dia berfikir secara matang dan memberikan pendapatnya untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul dengan bijak dan mampu memuaskan hati semua pihak yang terlibat. Dia telah mengesyorkan;

“Babi hutan menyerang pokok-pokok padi untuk mengambil buahnya. Kalau batang-batang padi itu dah bersabit dan dilonggokkan empat persegi dengan buahnya melengkong ke dalam, dia takkan kacau padi itu” terang Haji Raffar. “Jadi, kita perlu sabit padi itu lekas-lekas?” tanya pula Abang Deraman. “Ya, begitulah” (hlm.120)

Keupayaan Haji Raffar memberikan cadangan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung sesuai dengan pendapat Wan Mohd. (1985:13) yang menuntut setiap pemimpin harus mampu berfikir secara rasional dan bertindak bijaksana sewaktu membuat sesuatu keputusan. Kualiti kepimpinan yang ditunjukkan selari dengan pendapat Zainal (1991:162) yang mengatakan salah satu ciri kepimpinan ialah melalui kebijaksanaan yang dapat menguasai kekuatan dan kelemahan golongan yang mahu dipengaruhi.

Kepimpinan agama yang dipaparkan memainkan peranan penting untuk membuka minda dan memberi kesedaran kepada remaja dalam menjalani kehidupan yang semakin rumit akibat pelbagai pengaruh yang mempengaruhi mereka. Selain mengukuhkan kepercayaan kepada Allah (SWT), sifat seorang pemimpin menuntut supaya melakukan pengorbanan, kegigihan, kebijaksanaan, ketegasan, kesederhanaan dan kesabaran. Ciri-ciri kepimpinan ini mampu menjadi benteng menahan diri daripada pelbagai gejala dan fenomena yang melanda remaja.

KEPIMPINAN BELIA

Pengarang turut mengungkapkan kepimpinan remaja yang melibatkan diri dalam persatuan belia. Penglibatan remaja dalam berpersatuan memperlihatkan warisan kepimpinan kepada generasi muda sebagai pemimpin pelapis. Paparan ini menggambarkan komitmen pemimpin yang mengamalkan ciri-ciri kepimpinan terpuji, berdedikasi dan bertanggungjawab terhadap persatuan. Sebagai bekas ahli jawatankuasa persatuan belia di kampungnya Norbit berasa bertanggungjawab untuk menghidupkan semula persatuan setelah sekian lama terhenti akibat peristiwa hitam yang berlaku di kampungnya.

Norbit mengambil inisiatif dengan mengadakan mesyuarat jawatankuasa penaja di rumahnya sebelum mengadakan mesyuarat agung. Atas bantuan Abang Deraman, Abu Bakar, Buyong, Long Chik dan rakan-rakan lain akhirnya mesyuarat agung yang dirancang telah berjaya diadakan walaupun mendapat tentangan daripada Jiman dan Minhat.

Setelah selesai masa soal jawab, pemilihan jawatankuasa diadakan. Dalam pemilihan itu Norbit dilantik sebagai pengerusi, Long Chik sebagai setiausaha, Abu Bakar sebagai bendahari dan lima orang jawatankuasa termasuk Buyong dan Abang Deraman (hlm.47)

Sejak mesyuarat penubuhan semula persatuan belia Kampung Seri Danau ia menjadi tajuk perbualan hangat penduduk kampung. Ramai golongan tua yang tidak setuju dengan penubuhan itu kerana peristiwa empat tahun lalu masih bersarang dalam ingatan mereka. Mereka melarang anak-anak gadis menyertainya dan sebab itulah ahli-ahli wanita yang hadir boleh dibilang dengan jari dan mereka kebanyakannya terdiri daripada saudara mara Norbit. Bagi mereka penubuhan ini akan menggalakkan pergaulan bebas belia dan beliawanis. Oleh itu, usaha sedemikian wajar ditentang. Antaranya;

Orang yang kuat menentang pergerakan belia itu selain Haji Raffar ialah Pak Jusoh dan Lebai Dolah. Mak Milah, yang dikenali perangnya suka mencucuk, hebat mentohmah.

Namun Norbit dan Long Chik hanya memekakkan telinga (hlm.48).

Sebagai pengerusi yang baru Norbit sudah memperlihatkan ciri-ciri kepimpinan terpuji seperti bersifat jujur, murah hati, suka memaafkan kesalahan orang lain, tidak sombong, suka mendengar teguran dan sentiasa menghormati pendapat orang lain (Robiah 1993:13-14). Di samping memiliki bakat kepimpinan, Norbit juga berupaya mengurus, merancang, menyelaraskan sumber tenaga dan berkemahiran menggunakan teknologi yang menjadi asas utama untuk mencapai matlamat dan kejayaan sesebuah organisasi.

Paparan ini menggambarkan kesungguhan, kegigihan dan dedikasi adalah menjadi tunggak utama dalam mencapai kejayaan. Selain kerja keras, kejayaan boleh diperolehi melalui ciri-ciri kepimpinan terpuji seperti yang ditunjukkan oleh Norbit dan rakan-rakannya. Kewibawaannya sebagai pemimpin yang berani, bersikap jujur dan sering mengambil keputusan mengikut suara ramai mendapat sanjungan rakan-rakannya. Kejayaan Norbit dan rakan-rakan dalam memimpin persatuan belia sehingga mendapat pengiktirafan daripada masyarakat dan jabatan belia. Ini menunjukkan anak muda jika diberi kepercayaan, peluang dan ditunjuk ajar mampu untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Gambaran ini membuktikan gagasan pendekatan moral yang mengatakan segala kenyataan dan fenomena kehidupan yang melibatkan persoalan kepimpinan dalam masyarakat adalah tepat.

KEPIMPINAN KAMPUNG

Analisis ini membicarakan kepimpinan peringkat kampung dan kepimpinan persatuan belia. Menurut S. Ahmad (1983:184), kepemimpinan tradisional kampung mempunyai hubungan erat dengan struktur dan peranan ketua kampung. Oleh itu, ketua kampung merupakan satu jawatan berpengaruh dan menjadi tumpuan taat setia pengikutnya serta berperanan membuat beberapa keputusan. Segala perselisihan faham dapat diminimalkan dengan wujudnya persefahaman antara pemimpin dengan anggota masyarakatnya.

Pemimpin kampung lebih dikenali dengan panggilan ketua kampung atau penggawa yang bertanggungjawab mentadbir dan mengurus masyarakat mengikut bidang kuasanya. Mereka yang dipilih terdiri daripada kalangan yang dapat memahami masalah kampung kerana perlantikannya bertujuan membantu menjayakan misi pentadbiran awam (Abdullah Sanusi 1987:84). Pemimpin kampung juga berperanan sebagai agen perubahan yang berupaya merubah sikap masyarakat dengan berusaha gigih untuk mencapai kemajuan dan kesenangan hidup.

Paparan ini mencerminkan kekuatan dan ketegasan pemimpin kampung dalam menghadapi pelbagai karenah anggota masyarakatnya. Sebagai pemimpin yang berwibawa harus bersikap berani, tegas, peka dengan keadaan sekeliling, dinamis dan kuat kemahuan tetapi sentiasa menghormati orang lain. Ketegasan ketua Kampung Sri Danau terserlah apabila Pak Dali mengambil keputusan drastik menyuruh anaknya Daim menyertai tanah rancangan selepas berlakunya 'peristiwa hitam' dalam persatuan belia yang dipimpnannya. Ketegasannya juga terlihat apabila Pak Jusoh cuba memperkosa Yang Chik anak gadis Semah telah diberi amaran keras olehnya. Seperti katanya;

“Saya tak mahu kamu dan ahli-ahli keluarga kamu timbulkan lagi kekacauan. Sekiranya berlaku lagi perkara yang tak diingini, kamu dan keluarga akan dihalau dari kampung ini”, kata Pak Dali tegas (hlm. 180).

Melalui watak Pak Dali membuktikan semangat pemimpin kampung yang bertanggungjawab dan disertai dengan sikap amanah serta jujur akan memberi keberkesanan dalam kepimpinan. Peranan yang dipaparkan memperlihatkan kemampuan dan ketegasan pemimpin kampung sehingga berjaya mengatasi persengketaan dan perselisihan faham. Melalui semangat kerjasama, tolong-menolong dan bantu-membantu yang disertai dengan kegigihan dan kesungguhan dalam setiap usaha yang dilakukan akan merubah suasana kehidupan masyarakat menjadi lebih harmonis seperti yang ditekankan dalam pendekatan moral.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, *Meredah Kabut* menyentuh aspek kepimpinan keluarga, remaja, agama, belia dan kampung. Karya ini mampu memberi manfaat dan berperanan menyingkap segala persoalan hidup yang memberi pengalaman kepada manusia. Peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh manusia menyerlahkan pelbagai ragam dan perlakuan serta perhubungan manusia yang melihat aspek-aspek positif dan negatif untuk dijadikan cerminan perbandingan serta contoh teladan. Analisis ini turut memberi pengalaman dan pengetahuan cukup bermakna dalam kehidupan remaja.

RUJUKAN

- Abdullah Sanusi Ahmad. 1987. *Kerajaan, Pentadbiran dan Rakyat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Bee Mohd. Noor dan Iran Herman. 1995. *Membina Kesejahteraan Remaja*. Bandar Baru Bangi : Penerbit Tekno Edar.
- Azizan Bahari. 1995. *Belia dan Masyarakat*. Kuala Lumpur : Institut Penelitian Dasar.
- A. Wahab Ali. 1989. *Imej Manusia Dalam Sastera*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Campbell, R.E., Corball, J.E. & Nystrand, R.O. 1983. *Introduction to Educational Administration*. 6th ed. Boston : Allyn and Bacon.
- Faridah Idris. 1995. "Menguasai Ilmu Keibubapaan." *Dewan Masyarakat*, Mac : 51-52.
- Faridah Taib dan Nuraidah Ali. 1995b. *Keluarga Bahagia*. Petaling Jaya : Penerbitan Pinang.
- Hasbi Ashshiddiqi, Bustami A. Gani, Muchtar Jahya, Toha Jahya Omar, Mukri Ali, Kamal Muchtar, Ghazali Thaib, Musaddad, Ali Maksom & Busjairi Madjidi. 1992. *Al-Quran dan Terjemahannya*. Medinah : Kadim al-Harramah Departmen dan Wakaf Saudi Arabia.
- Hashim Awang. 1989. "Penelitian Sastera : Suatu Pendekatan Melayu." *Dewan Sastera*, Disember : 60-63.
- Hashim Awang. 1994. "Pengkajian Sastera : Pengkaedahan Melayu." *Pengarang, Teks dan Khalayak*. Dlm. Sahlan Mohd. Saman (pnyt.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 326-335.

- Ibrahim Mamat. 1997. *Memimpin Remaja Sekolah : Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.
- Robiah Kulop Hamzah. 1993. *Remaja dan Kepimpinan Persatuan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salim Bahreisy. 1977. Terj. *Riadhus Salihin I. 3rd ed.* Bandung: Penerbit PT AlMaarif.
- Shannon Ahmad. 1994. *Sastera : Pengalaman, Ilmu, Imajinasi dan Kitarannya*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Ahmad Hussein. 1983. "Struktur Kepemimpinan Dalam Pembangunan Desa." *Isu Ekonomi, Sosial dan Politik Malaysia (Kumpulan Esei Dewan Masyarakat 1975- 1979)*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 184-192.
- S. Husin Ali. 1977. *Masyarakat dan Pemimpin Kampung Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.
- The Oxford English Dictionary, Volume 1. 2nd ed.* 1989. Oxford : Clarendon Press.
- Wan Mohd. Mahyidin. 1985. *Kaedah Berjuang*. Petaling Jaya : Insular Publishing House.
- Zaharudin Pilus. 1993. *Meredah Kabut*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. 1991. "Dakwah Islamiyah dan Sistem Sosiobudaya : Penelitian Masyarakat Iban di Sarawak." *Islam Cabaran dan Isu Semasa*. (Pnyt). Ismail Abdul Rahman dan Mohd. Nasir Omar. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jumali Haji Selamat (Dr.)
 Pusat Perkembangan Pelajar,
 Aras 5, Bangunan PUSANIKA,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
 email : jumali@ukm.my

Che Abdullah Che Ya (Encik)
 Pusat Pengajian Bahasa, Kesusteraan & Kebudayaan Melayu,
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
 email : cheabd@ukm.my / chelah66@yahoo.com